



TABUNG
Pendidikan

BINARY
UNIVERSITY
of
Management & Entrepreneurship



KENYATAAN MEDIA

Hebahan Segera

PTPTN JALIN KERJASAMA STRATEGIK RINGANKAN BEBAN PELAJAR

KUALA LUMPUR, 11 Jun 2021 – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Binary University telah memetriai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar ke arah memperkasa pendidikan tinggi Negara.

Melalui kerjasama ini, pelajar B40 dan M40 akan menerima subsidi yuran pengajian dan mendapat kemudahan pinjaman PTPTN apabila melanjutkan pengajian di Binary University bagi kemasukan 2021/2022. Subsidi yuran pengajian diberikan oleh Binary University melalui Geran Pendidikan Prihatin (GPP) MyBinary-PTPTN dengan peruntukan berjumlah RM205 juta secara *One-Off*.

Dengan peruntukan di bawah GPP MyBinary-PTPTN ini, pelajar lepasan SPM yang mengikuti pengajian *Foundation* akan menikmati subsidi sebanyak RM54,600 bagi empat (4) tahun pengajian termasuk pengajian Ijazah Sarjana Muda, manakala pelajar lepasan STPM yang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda pula akan menikmati subsidi sebanyak RM40,950 bagi tiga (3) tahun pengajian.

Menurut Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN, "Saya harap para pelajar akan memohon untuk mendapatkan subsidi yuran ini. GPP MyBinary-PTPTN mencerminkan keprihatinan PTPTN dan Binary University dalam menyokong usaha Kerajaan untuk meringankan beban rakyat terutamanya yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Terima kasih kepada Binary University atas keprihatinan dengan menyediakan subsidi yuran yang tinggi demi membantu masyarakat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan sekaligus menjadi universiti swasta yang wajar dicontohi." katanya.

Sementara itu, Tan Sri Dato Prof. Joseph Adaikalam, Pengasas Binary University berkata, "Kaedah pengajian di Binary University juga memberi beberapa kelebihan yang sangat penting bagi kebolehpasaran graduan Binary yang menggunakan 3 Ekosistem yang sangat unik. Pertamanya, semua pelajar Binary dilengkapi dengan kemahiran industri spesifik untuk menjadi Industry Specialist Professionals atau graduan ISP melalui Ekosistem ISP. Keduanya, melalui Ekosistem BEE atau Binary Entrepreneurial Ecosystem yang terdiri daripada ribuan Usahawan, Binary dapat memupuk sifat keusahawanan dalam semua graduan mahupun yang ingin berkerja atau yang ingin jadi usahawan. Ciri keusahawanan amat penting bagi graduan hari ini sebab majikan mengutamakan pekerja yang berinovasi dan berkeaktiviti.

"Ekosistem ketiga iaitu BTI pula terdiri daripada ribuan majikan yang sedang cari pekerja (graduan) yang mempunyai kemahiran industri spesifik dengan mindset keusahawanan yang komprehensif serta berfokus. Ini bererti graduan dapat memohon untuk pekerjaan semasa dalam semester akhir tahun 3. Pelajar dan majikan tidak perlu membayar apa-apa bayaran untuk perkhidmatan BTI atau Binary Talent International." katanya.

Pelajar B40 dan M40 lepasan SPM dan STPM boleh mengemukakan Permohonan Geran Pendidikan Prihatin (GPP) MyBinary-PTPTN mulai **11 Jun 2021** dengan melayari www.binary.edu.my/gpp.

Sebarang maklumat lanjut, hubungi :

PTPTN

i) Puan Hasliza binti Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 – 354 2388)

BINARY UNIVERSITY

ii) Encik Jahabar Jainul Abideen Bin Shahul Hameed (jahabar@binary.edu.my / 019-985 8786)